



Ketua Perangkawan Malaysia Bersara



Ketua Perangkawan Malaysia Datuk Dr Abdul Rahman Hasan.KUALA LUMPUR, 7 Feb (Bernama) -- Ketua Perangkawan Malaysia Datuk Dr Abdul Rahman Hasan akan bersara wajib mulai 8 Februari 2017 setelah berkhidmat lebih 35 tahun dalam perkhidmatan Kerajaan.

Jabatan Perangkaan Malaysia dalam satu kenyataan media berkata Abdul Rahman ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada pihak berkepentingan dan pengguna statistik sama ada dari dalam negara dan antarabangsa atas segala kerjasama yang telah diberikan.

Terima kasih juga dizahirkan kepada semua responden terpilih bagi banci dan survei yang dikendalikan oleh Jabatan sepanjang beliau memegang jawatan Ketua Perangkawan Malaysia.

--BERNAMA